

PERKAITAN ANTARA HUBUNGAN KEKELUARGAAN DENGAN MASALAH  
DELINKUEN MURID TAHAP DUA DI BANDAR MASAI

YOKHANAH A/P PALANI

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan ijazah  
Sarjana Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling)

Sekolah Pendidikan  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Teknologi Malaysia

FEBRUARI 2021

## DEDIKASI

*Buat insan teristimewa, atuk dan nenek saya,  
En.Palaniandy Sellamuthu, Pn.Palaniammah,  
En.Maruday dan Pn.Kamachi,  
terima kasih atas segala kasih sayang  
dan doa restu yang tak pernah padam.*

*Juga kepada Mak & Abah tersayang  
En.Palani dan Pn.Indira,  
dan adik-beradik saya  
Cik.Yamunaa Palani, En.Nirresh Palani,  
En.Geirthygan Palani dan En.Bobby  
serta sekalian ahli keluarga, sokongan dan  
dorongan kalian akan tetap dikenang.*

*Buat teman sejati saya, En.Kalaikumar Rajinran  
Doa, kasih sayang dan prihatian mu membantuku dalam mengharungi  
setiap kesukaran dalam perjuangan in.  
Terima kasih di atas segalanya, semoga kejayaan menjadi milik kita semua.*

## **PENGHARGAAN**

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur kepada Tuhan kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan laporan kajian dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Jamaludin Bin Ramli, selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan kajian ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik dan pendidik yang baik. Tidak dilupakan kepada barisan pensyarah dan staf teknikal di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia yang sudi berkongsi pengalaman sepanjang pengajian ini. Segala pengalaman yang dilalui pasti tidak dapat dilupakan.

Terima kasih kepada tempat bertugas saya, SK Taman Rinting 1 dan SK Permas Jaya 1 kerana telah memberi sokongan dan dorongan yang positif semasa menjalankan kajian ini. Terima kasih juga kepada pihak institusi kajian, SK Nusa Damai, SK Scientex dan SK Bandar Seri Alam kerana telah memberi sokongan penuh dalam kerja lapangan dan memudahkan proses untuk mendapat data.

Ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa yang saya hormati, En. Palani Maruday dan Pn. Indira Palaniandy yang sentiasa memberi kasih sayang, dorongan, doa, peringatan dan panduan hidup yang amat saya perlukan. Ucapan terima kasih kepada kakak dan adik-adik tersayang, Cik. Yamunaa Palani, En. Nirresh Palani dan En. Geirthygan Palani dan En. Bobby atas kesabaran, sokongan, bantuan, toleransi dan doa kalian, sehingga pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya.

Seteruanya, ribuan terima kasih juga diucapkan kepada sahabat-sahabat seperjuangan saya, Cik. Thevatharshini Nagendran dan Pn. Shathiswary Mahendran di atas tunjuk ajar, sokongan moral, sumbangan idea serta segala jenis bantuan yang diberikan sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan akan saya ingati sepanjang hayat ini.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan laporan ini. Semoga penyelidikan ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji perkaitan antara hubungan kekeluargaan dan tingkah laku delinkuen dalam kalangan murid sekolah rendah di Bandar Masai, Johor. Kajian ini menyelidik sama ada hubungan ibu bapa memberi kesan terhadap tingkah laku delinkuen anak semasa mereka di sekolah. Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik yang diadaptasi dan diubahsuai daripada 12 item instrumen Parenting Behavior Importance Questionnaire-Revised (PBIQ-R) dan Alabama Parenting Questionnaire (APQ). Dengan ini, pengkaji melihat 3 dimensi hubungan kekeluargaan iaitu hubungan sokongan, keprihatinan dan afeksi yang boleh mempengaruhi masalah delinkuen anak di sekolah. . Kajian ini menggunakan teknik persampelan bertujuan untuk mengedarkan borang soal selidik kepada 251 orang responden iaitu dalam kalangan murid tahap 2 daripada tiga buah Sekolah Rendah iaitu SK Bandar Seri Alam, SK Nusa Damai dan SK Taman Scientex. Data yang diperolehi daripada responden dianalisis dengan menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 22.0. Analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis data demografi, hubungan kekeluargaan yang paling dominan dan masalah delinkuen yang paling kerap berlaku dalam kalangan murid. Korelasi Spearman digunakan untuk menentukan perkaitan antara hubungan kekeluargaan dengan masalah delinkuen murid. Hasil kajian menunjukkan bahawa hubungan kekeluargaan yang paling dominan adalah hubungan afeksi. Manakala masalah delinkuen yang kerap berlaku dalam kalangan murid sekolah rendah adalah masalah delinkuen kurang sopan dan secara keseluruhannya masalah delinkuen berada pada tahap rendah. Hasil dapatan kajian ini juga menunjukkan terdapat hubungan negatif yang signifikan antara ketiga-tiga hubungan kekeluargaan dengan masalah delinkuen murid. Dengan ini, dapat disimpulkan bahawa apabila hubungan kekeluargaan meningkat, maka masalah delinkuen kurang berlaku di sekolah. Oleh itu, ibu bapa haruslah menjaga hubungan kekeluargaan yang positif untuk mendidik anak-anak kerana hubungan dan gaya asuhan ibu bapa mempunyai perkaitan dengan masalah tingkah laku murid di sekolah.

## **ABSTRACT**

This study was conducted to examine the connection between family relationships and delinquent behavior among primary school students at Masai, Johor. This study investigates whether parental relationships affect child delinquent behavior while they are in school. This study is quantitative using a questionnaire instrument adapted and modified from 12 items of the Parenting Behavior Importance Questionnaire-Revised (PBIQ-R) and Alabama Parenting Questionnaire (APQ) instruments. Researcher investigated 3 dimensions of family relationships, namely the relationship of support, concern and affection that can affect the delinquent problem of children in school. This study uses sampling technique to distribute questionnaires to 251 respondents among level 2 students from three primary schools, namely SK Bandar Seri Alam, SK Nusa Damai and SK Taman Scientex. Data obtained from respondents were analyzed using Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 22.0. Descriptive analysis was used to analyze demographic data, the most dominant family relationships and the most common delinquent problems among students. Spearman correlation is used to determine the relationship between family relationships and student delinquency problems. The results show that the most dominant family relationship is the affective relationship. While delinquency problems that often occur among primary school students are impolite behavior problems and overall delinquency problems are at a low level. The results of this study also show that there is a significant negative relationship between the three family relationships with students' delinquent problems. Parents should engage themselves with good communication, quality of time, appreciation, treating one another with respect, and teamwork with their children to make their future bright.

## SENARAI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
PENGAKUAN	iii
DEDIKASI	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	viii
SENARAI KANDUNGAN	ix
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1 Latar Belakang Kajian	3
1.2 Pernyataan Masalah	5
1.3 Objektif Kajian	8
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Hipotesis Kajian	9
1.6 Kerangka Konseptual Kajian	9
1.7 Definisi Istilah Dan Operasional	11
1.7.1 Hubungan	11
1.7.2 Kekeluargaan	12
1.7.3 Tingkah Laku	13
1.7.4 Delinkuen	14
1.7.5 Murid	15
1.8 Batasan Kajian	15
1.9 Kepentingan Kajian	16
1.10 Kesimpulan	17

<b>BAB 2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	<b>19</b>
2.0	Pengenalan	19
2.1	Teori-Teori Berkaitan	19
2.1.1	Teori Perkembangan Erik Erikson	19
2.1.2	Teori Ekologi Brofenbrenner	26
2.2	Kajian-Kajian Lepas	
2.2.1	Kajian dalam Negara	29
2.2.2	Kajian Luar Negara	32
2.3	Kesimpulan	34
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>35</b>
3.0	Pengenalan	35
3.1	Reka bentuk kajian	35
3.2	Sampel kajian	36
3.3	Lokasi Kajian	37
3.4	Alat Ukuran Kajian	38
3.4.1	Pembangunan Soal selidik	38
3.4.2	Kajian Rintis	43
3.4.3	Kebolehpercayaan	43
3.5	Prosedur Kajian	44
3.6	Analisis Kajian	45
3.7	Kesimpulan	46
<b>BAB 4</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	<b>47</b>
4.1	Pengenalan	47
4.2	Analisis Demografi Responden	47
4.3	Persoalan Kajian Pertama:	50
	Apakah jenis hubungan kekeluargaan yang kerap diamalkan oleh ibu bapa murid sekolah rendah?	
4.3.1	Dimensi Hubungan Kekeluargaan Sokongan	51
4.3.2	Dimensi Hubungan Kekeluargaan Keprihatinan	53

4.3.3	Dimensi Hubungan Kekeluargaan Afeksi	54
4.4.4	Tahap Keseluruhan Hubungan Kekeluargaan	55
4.4	Persoalan Kajian Kedua: Apakah jenis masalah delinkuen yang paling dominan berlaku dalam kalangan murid sekolah rendah?	56
4.4.1	Analisis Masalah Delinkuen 1: Tingkah Laku Berunsur Jenayah	57
4.4.2	Analisis Masalah Delinkuen 2: Tingkah Laku Kurang Sopan	57
4.4.3	Analisis Masalah Delinkuen 3: Tingkah Laku Ponteng	58
4.4.4	Analisis Masalah Delinkuen 4: Tingkah Laku Kenakalan	59
4.4.5	Analisis Masalah Delinkuen 5: Tingkah Laku Mengejek	60
4.4.6	Tahap Keseluruhan Masalah Delinkuen	61
4.5	Persoalan Kajian Ketiga: Adakah Hubungan Antara Faktor Kekeluargaan Dengan Masalah Delinkuen Murid Tahap 2 Sekolah Rendah?	62
4.5.1	Ujian Korelasi Antara Hubungan Kekeluargaan dan Masalah Delinkuen	63
4.6	Kesimpulan	68
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>69</b>
5.1	Pengenalan	69
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	69
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	70
5.3.1	Perbincangan Dapatan Jenis Hubungan Kekeluargaan yang Kerap Diamalkan oleh	71



Ibu Bapa Murid Sekolah Rendah	
5.3.2 Perbincangan Dapatan Jenis Masalah Delinkuen yang Kerap Berlaku di Sekolah Rendah	72
5.3.3 Perbincangan Dapatan Perkaitan antara Hubungan Kekeluargaan dengan Masalah Delinkuen Murid Tahap 2 Sekolah Rendah	73
5.3.4 Kesimpulan Perbincangan Kajian	77
5.4 Implikasi Kajian	78
5.4.1 Implikasi Kepada Murid	78
5.4.2 Implikasi Kepada Ibu Bapa	79
5.4.3 Implikasi Kepada Sekolah	83
5.5 Cadangan Kajian Masa Hadapan	84
5.6 Kesimpulan	86
<b>RUJUKAN</b>	<b>87</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>93</b>

## SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 3.1	Aspek demografi soal selidik	39
Jadual 3.2	Adaptasi Item Asal Alabama Parenting Questionnaire	40
Jadual 3.3	Item-item yang diubahsuai daripada Parenting Behavior Importance Questionnaire-Revised (PBIQ-R	41
Jadual 3.4	Konstruk dalam Bahagian B	41
Jadual 3.5	Konstruk dalam Bahagian C	42
Jadual 3.6	Skala Likert untuk Bahagian C	42
Jadual 3.7	Nilai kebolehpercayaan Konstruk Bahagian B dan C	44
Jadual 3.8	Nilai korelasi Spearman	46
Jadual 4.1	Taburan Sampel Kajian Mengikut Jantina	48
Jadual 4.2	Taburan Sampel Kajian mengikut umur	48
Jadual 4.3	Taburan Sampel Mengikut Kedudukan Dalam Keluarga	49
Jadual 4.4	Taburan Sampel Kajian Mengikut Lokasi Tempat Tinggal	49
Jadual 4.5	Taburan Sampel Kajian Mengikut Status Keberadaan	50
Jadual 4.6	Tahap Kecenderungan dan Tahap Kecenderungan Min	51
Jadual 4.7	Skor Min dan Sisihan Piawai Hubungan Kekeluargaan Sokongan	51
Jadual 4.8	Skor Min dan Sisihan Piawai Hubungan Kekeluargaan Keprihatinan	53
Jadual 4.9	Jadual 4.8: Skor Min dan Sisihan Piawai Hubungan Kekeluargaan Afeksi	54

Jadual 4.10	Min dan Sisihan Piawai Hubungan Kekeluargaan	55
Jadual 4.11	Tahap Kecenderungan dan Tahap Kecenderungan Min	56
Jadual 4.12	Min dan Sisihan Piawai Tingkah Laku Berunsur Jenayah	57
Jadual 4.13	Min dan Sisihan Piawai Tingkah Laku Berunsur Jenayah	57
Jadual 4.14	Min dan Sisihan Piawai Tingkah Laku Ponteng	58
Jadual 4.15	Min dan Sisihan Piawai Tingkah Laku Kenakalan	59
Jadual 4.16	Min dan Sisihan Piawai Tingkah Laku Mengejek	60
Jadual: 4.17	Min dan Sisihan Piawai Keseluruhan bagi Masalah Delinkuen	61
Jadual 4.18	Analisis Skewness Dan Kurtosis	62
Jadual 4.19	Ujian Kenormalan	62
Jadual 4.20	Analisis Korelasi Antara Pembolehubah Hubungan Kekeluargaan Sokongan, Afeksi dan Keprihatinan Terhadap Masalah Delinkuen	65
Jadual 4.21	Analisis Korelasi Antara Pembolehubah Hubungan Kekeluargaan dengan Masalah Delinkuen	67

## SENARAI RAJAH

<b>NO RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 1.1	Kerangka Konseptual Kajian	9
Rajah 3.1	Hubungan antara ukuran sampel dan jumlah populasi	37
Rajah 4.1	Kriteria Terima dan Tolak Hipotesis	63

## SENARAI SINGKATAN

FPK	-	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
AADK	-	Agensi Antidadah Kebangsaan
SPSS	-	Statistical Package For The Social Science
SSDM	-	Sistem Sahsiah Diri Murid
APQ	-	Alabama Parenting Questionnaire
PBIQ-R	-	Parenting Behavior Importance Questionnaire-Revised

## **SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Lampiran A	Borang Soal Selidik	93

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0 Pengenalan**

Pendidikan di negara kita berpandukan dengan falsafah pendidikan kebangsaan. FPK menjadi panduan serta rujukan kepada segala aktiviti pendidikan di peringkat sekolah dan institusi. Sistem pendidikan memajukan diri ke suatu tahap ke hadapan dengan menerangkan secara terperinci tentang prinsip dan nilai asas (KPM, 2013). Prinsip yang ditetapkan dapat membina sistem pendidikan negara kita kepada peringkat tertinggi iaitu institusi atau universiti. FPK menerangkan matlamat dan tujuan pentingnya pendidikan kepada seseorang individu, keluarga, masyarakat dan negara. Apabila seseorang menyedari matlamat pendidikan mereka mampu menjadi individu yang berpengetahuan, bersahsiah baik dan menjadi warganegara yang bermutu tinggi.

Pendidikan juga dikenali sebagai suatu jambatan dalam pembinaan manusia yang sempurna dan bersepadu dalam pelbagai bidang (Nor Aishah, 2017). Pendidikan juga menjadi suatu media untuk pencapaian tujuan dan cita-cita negara pada peringkat yang lebih maju. Konsep penting dalam FPK adalah falsafah tentang individu. Individu sebenarnya berteraskan kepada kepercayaan Tuhan dan agama yang dipegang. Kepercayaan tuhan dan pendidikan agama menjadikan seseorang hidup dengan tenang dan harmoni di negara kita. Selain itu, matlamat pendidikan juga mendorong pembangunan diri manusia dalam aspek holistik dan seimbang bagi pembentukan fitrah diri manusia terjaga dengan baik. Pengetahuan daripada pendidikan mewujudkan manusia yang berakhlak baik dan berbudi bahasa dengan orang lain. Mereka juga dapat memainkan peranan yang baik terhadap institusi keluarga, sekolah, tempat kerja, kejiwaan, masyarakat dan negara. Untuk merealisasikan FPK, tugas dan peranan ibu bapa dan guru memberi kesan utama dalam perkembangan diri seseorang murid. Dari bayi sehingga menjadi tua, mereka mengamalkan segala yang dididik oleh semua ibu bapa di rumah serta guru di sekolah.

Walaupun bagaimanapun, asuhan yang diberikan oleh keluarga memberi impak besar dalam perkembangan fizikal, kognitif, rohani, sosial dan emosi seseorang individu.

Keluarga adalah masa depan kanak-kanak (Melisa, 2015). Keluarga adalah satu-satunya tempat kanak-kanak dapat belajar selepas sekolah. Di sekolah, guru mengajar mata pelajaran yang berbeza supaya murid dapat mencari pekerjaan yang sesuai pada masa depan. Tetapi di rumah, keluarga mengajarkan kanak-kanak kebiasaan dan akhlak yang tidak hanya akan membantu mereka mencari pekerjaan, tetapi juga menjalani kehidupan yang lebih baik di masa depan. Jadi keluarga sangat penting untuk kanak-kanak. Apabila bayi dilahirkan, dia mula-mula melihat ibu bapanya dan kemudian menghabiskan kebanyakan masa bersama keluarganya sehingga dia pergi ke tadika dan kemudian ke sekolah. Adalah sangat penting bahawa kanak-kanak belajar beberapa tabiat asas dari ibu bapa, saudara perempuan atau adik-beradik selama tiga atau empat tahun ini. Sebenarnya, dalam tiga tahun pertama, tiga kali otak bayi anda berat dan menetapkan kira-kira 1,000 triliun sambungan saraf. Jadi dalam tempoh ini, kanak-kanak belajar banyak dari keluarga. Ibu bapa perlu berhati-hati dalam apa yang mereka lakukan depan mata anak-anak mereka kerana anak-anak belajar tabiat dan disiplin daripada ibu bapa.

Seterusnya, menurut Jee (2016), keluarga memberi kuasa kepada masyarakat. Keluarga yang hebat menjadikan contoh yang terbaik untuk seluruh komuniti. Ayah, ibu, anak-anak, mereka semua perlu bekerja untuk membina keluarga yang lebih baik. Jika salah seorang daripada mereka gagal, seluruh keluarga mungkin runtuh. Ini sering berlaku pada hari-hari ini. Nama baik seluruh keluarga boleh memusnahkan salah seorang anggota keluarga. Tetapi jika setiap ahli keluarga bekerja dan membina keluarga yang optimum, mereka akan menjadi contoh peranan yang baik untuk seluruh masyarakat ini. Pengaruh keluarga sangat kuat dalam masyarakat dan masyarakat mempunyai pengaruh yang sangat kuat di negara ini. Jadi negara terbaik bukan hanya kerajaan, tetapi setiap ahli keluarga. Oleh itu, setiap keluarga adalah kunci kepada masyarakat. Itulah sebabnya keluarga penting dalam kehidupan kita.



## **1.1 Latar Belakang Kajian**

Dunia ini meliputi dengan individu yang saling berhubung antara satu sama dengan satu hubungan yang dikenali sebagai keluarga. Setiap individu dilahirkan, dibesarkan, dididik serta diasuhkan oleh salah seorang berkenalan dengan dia. Kita boleh katakan individu tidak dapat hidup tanpa sokongan atau bantuan orang lain. Dengan kata lain, keluarga menjadi sokongan dan bimbingan kepada seseorang manusia untuk meneruskan kehidupan mereka di dunia ini. Menurut Zakiyah (2001), keluarga adalah sekumpulan orang yang mempunyai hubungan oleh beberapa faktor seperti perkahwinan atau ahli keluarga berkenalan. Dalam psikologi, keluarga ditakrifkan sebagai kumpulan sosial yang kecil yang asasnya adalah kesatuan perkahwinan pasangan, yang dibesarkan oleh saudara-mara dua atau lebih orang yang hidup bersama.

Keluarga merupakan fasa permulaan seorang individu yang merangkumi proses kelahiran, pendidikan, pengamalan tradisi dan nilai-nilai, mengenali masyarakat, latihan moral dan prinsip moral dan sebagainya (Azizi, 2010). Menurut Patonah (2016), keluarga memainkan peranan penting dalam kehidupan setiap kanak-kanak, memberi mereka tiket untuk masa depan yang lebih cerah, memupuk belas kasihan, kemanusiaan, taktik, dan membantu mengembangkan empati. Ibu bapa menyediakan keselamatan dan keselesaan emosi. Mudah untuk belajar tentang dunia dan membuat hubungan dengan orang. Keluarga juga menunjukkan penjagaan, memberi perhatian, membantu, menunjukkan kemanusiaan, memberi perlindungan, cinta dan kehangatan kepada anak-anak mereka. Nilai keluarga dalam kehidupan manusia tidak terbatas.

Dalam era ini, semua individu selalu memberi fokus kepada kemewahan. Begitu juga dengan kebanyakan ibu bapa selalu mencari sumber pendapatan untuk menjaga keluarga masing-masing. Menurut Nooraisah (2014), ibu bapa mementingkan kekayaan daripada perkembangan anak-anak mereka. Sebagai kesan, ibu bapa tidak ada masa yang secukupnya untuk bermain atau berkomunikasi dengan anak-anak mereka di rumah. Mereka membiarkan dan tidak mempedulikan anak-anak mereka. Mereka tidak mengambil tahu perkembangan anak dalam aspek akademik, fizikal dan emosi. Sebaliknya, ada juga ibu bapa memberi kepercayaan yang tinggi

pada anaknya dalam membuat apa yang mereka suka tanpa memikirkan kesan dan akibat. Lama-kelamaan, anak-anak merasa mereka tidak diberi perhatian dan terganggu emosi apabila memikirkan hubungan diri terhadap ahli keluarga. Sebagai kesan, mereka bertingkah laku negatif seperti melanggar peraturan sekolah, lewat hadir ke sekolah, tidak menyiapkan tugas apabila berada di sekolah. Kebanyakan murid berbuat demikian untuk menarik perhatian daripada kawan, guru serta ibu bapa mereka sendiri. Norruzeyati (2015), tingkahlaku jenayah atau delinkuensi yang dilakukan oleh golongan ini diadili berdasarkan Akta Kanak-Kanak 2001.

Menurut Buerah Tunggak (2015) mengatakan keruntuhan akhlak yang timbul dalam kalangan murid sekolah boleh dikatakan sebagai masalah delinkuen. Pada masa kini, masalah delinkuen menjadi masalah yang selalu difokuskan oleh semua masyarakat. Tanpa melihat lokasi serta jenis sekolah, masalah ini kian berlaku setiap hari. Mengikut KPM (2013), masalah delinkuen boleh dikatakan tingkah laku tidak mematuhi peraturan-peraturan sekolah serta melanggar norma-norma masyarakat yang tidak boleh diterima oleh masyarakat. Antara isu yang selalu timbul pada peringkat sekolah adalah ponteng sekolah tanpa sebab, melawan arahan guru mengajar, pergaduhan, kewujudan geng, menyalahgunakan serta merosakkan harta benda sekolah dan sebagainya. Untuk mengatasi isu ini, pihak sekolah mengambil beberapa langkah-langkah sesuai kepada murid berkenaan. Antaranya mengadakan program-program yang memberi kesedaran, sesi kaunseling, pertubuhan kelab rakan sebaya dan sebagainya. Segala usaha yang dilakukan ini hanya memberi kesan dalam tempoh masa yang pendek sahaja. Antara punca utama yang mendorong mereka terjebak dalam masalah ini ialah kelonggongan hubungan murid dengan ibubapa. Setelah anak habis sekolah, tidak ada orang yang bertanya dan mengambil berat tentang apa yang dilakukan di sekolah. Apabila seorang murid merasa dia kurang kasih sayang di rumah, maka dia mula menunjukkan tingkah laku delinkuen untuk mendapat perhatian daripada kawan serta guru di sekolah.

Menurut kajian Rahimah (2017), menerangkan pelbagai nilai kekeluargaan harus diterapkan semasa menjalankan pengajaran dan pembelajaran. Penerapan ini dilakukan secara langsung atau tidak langsung di sekolah. Kesemua nilai yang ditekankan mampu mendorong pembentukan nilai dan minat yang positif. Tetapi, apabila hubungan kekeluargaan tidak rapat maka, mereka kembali melakukan tingkah

laku delinkuen. Kemesraan dan perlekatan keluarga menjadi faktor utama dalam memberi semangat dan tenaga kepada setiap manusia. Menurut Fauziah (2009), menjelaskan bahawa ibubapa sebagai ahli utama, mereka berusaha untuk menguatkan dan mengeratkan hubungan sesama mereka dengan mengamalkan nilai-nilai, norma serta amalan sosial yang baik untuk diri dan orang lain. Ramai ibu bapa pada zaman sekarang menganggapkan pencarian duit dan kebendaan penting dalam kehidupan mereka. Tetapi, tanggungjawab terhadap rumah tangga dan anak diabaikan. Dengan ini, ibubapa tidak dapat memupuk norma dan nilai yang diamalkan dalam keluarga seperti seperti kesucian fikiran, kejujuran, tatakelakuan terpuji dan sebagainya dalam kalangan anak mereka. Penerapan nilai-nilai sedemikian penting menjamin kesejahteraan dan keselamatan murid semasa mereka membesar. Kurang didikan moral yang positif dan nilai murni daripada ibu bapa di rumah menjadikan mereka melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan negatif yang tidak faedah diri dan orang lain.

Kesimpulannya, hubungan kekeluargaan adalah sangat penting kepada perkembangan anak-anak. Mereka selalu memperhatikan dan mengambil ibu bapa sebagai contoh kepada mereka. Cara berbahasa, gaya badan, penampilan, sikap, minat anak-anak turut dipengaruhi oleh setiap tindak-tanduk ibubapa di rumah. Maka, hubungan kekeluargaan merupakan faktor utama berlakunya masalah delinkuen dalam kalangan murid sekolah rendah.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Antara salah laku disiplin pelajar yang kerap berlaku di negara kita ialah salah laku kurang sopan, tidak pentingkan masa, kekemasan diri, merokok, berunsur jenayah, kenakalan, buli, berunsur kelucahan, vandalisme dan ponteng sekolah. Berdasarkan statistik, pada tahun 2017, jumlah murid terlibat dalam salah laku ponteng sekolah seramai 67 053, masalah kurang sopan seramai 14 509, masalah tidak pentingkan masa seramai 13 415, masalah kekemasan diri seramai 10 496, masalah merokok sebanyak 8 514, masalah berunsur jenayah seramai 6 917, masalah kenakalan sebanyak 5 825, masalah buli sebanyak 2 795, sebanyak 2266 daripada masalah berunsur kelucahan serta 1868 murid terlibat dalam salah laku musnah. Statistik ini dikeluarkan oleh astro awani pada tahun 2018, 21 Mac. Dalam statistik ini, boleh

dikatakan salah laku ponteng menunjukkan catatan rekod yang tinggi berbanding dengan masalah lain pada tahun tersebut. Menurut Harian Metro (2015), menunjukkan kadar peningkatan krisis akhlak dan moral di negara kita amat menakutkan. Jumlah kes jenayah yang melibatkan pesalah juvana dinaik sebanyak sebelas peratus. Peningkatan ini berlaku dalam setiap tahun. Manakala, statistik yang diberikan oleh Polis Diraja Malaysia menunjukkan sebanyak 7,816 kes direkodkan tahun 2013. Tetapi pada tahun 2012, sebanyak 3,700 kes sahaja dicatatkan. Rekod-rekod tersebut membuktikan bahawa terdapat perbandingan yang ketara berlaku iaitu peningkatan 4,116 kes dalam tempoh 2 tahun. Statistik kes jenayah berat murid sekolah rendah dicatatkan meningkat. Antaranya, empat puluh tujuh peratus kes direkod setahun.

Manakala, dapatan kajian tersebut berbeza dengan dapatan kajian yang lain. Misalnya, menurut kajian Melissa (2015), konflik pergaduhan antara sesama ahli keluarga merupakan suatu perkara yang memang tidak dapat dinafikan bahawa punca kepada masalah delinkuen murid sekolah rendah. Hal ini dikatakan demikian kerana, pergaduhan sering berlakunya antara ibu bapa memberi impak atau tekanan yang mendalam kepada kanak-kanak yang masih mudah lagi. Secara amnya, kanak-kanak yang masih mudah lagi sentiasa meneliti segala tindak-tanduk ibu bapa dan sehingga menjadikan mereka sebagai teladan dan tempat rujuk untuk hidup mereka. Anak-anak mudah terdedah dan terjebak dengan sikap dan corak hidup ibu bapanya (Haslee, 2007). Oleh itu, aksi-aksi pergaduhan dan penggunaan kata-kata kesat yang dikatakan oleh ibu bapa juga menyebabkan kanak-kanak tersebut akan terlibat dalam masalah delinkuen. Seterusnya, kebanyakan pergaduhan berlakunya antara ibu bapa disebabkan oleh sikap materialistik. Ibu bapa yang sering mengejar kerjaya untuk mendapatkan kemewahan dan kebendaan sehingga mereka mengabaikan tanggungjawab terhadap keluarga sendiri. Dengan itu, mereka tidak dapat meluangkan masa untuk diri sendiri dan kanak-kanak. Hubungan renggang dan timbulnya jurang antara ibu dan bapa membawa kepada masalah perselisihan faham sehingga terjadinya pergaduhan. Tegasnya bahawa segala tindakan ibu bapa akan dipengaruhi oleh kanak-kanak sendiri sehingga mereka tersebut melibatkan diri dalam masalah pergaduhan antara murid di sekolah rendah.

Seterusnya, faktor lain kejadian masalah delinkuen murid sekolah rendah datang dari masalah perpisahan antara ibu bapa dengan kanak-kanak mereka sendiri (Buerah, 2015). Hal ini bermakna, hubungan jurang antara ibu bapa dengan kanak-kanaknya menyebabkan mereka akan berasa terbiar dan tiada ada sebarang pengawasan dan pengawalan oleh ibu bapanya. Oleh itu, mereka akan melakukan segala tindakan yang mereka ingin dibuat. Sebagai contohnya, ibu bapa yang bekerja biasanya membiarkan anak-anak mereka dibesarkan di rumah saudara-mara, penjaga atau pengasuh dengan memberi bayaran. Lebih-lebih lagi, ada sesetengah ibu bapa juga menghantar anaknya ke pusat penjagaan kerana mereka menganggap tanggungjawab membesarkan anaknya sebagai suatu bebanan yang berat. Tiada kepedulian tanggungjawab terhadap anak-anaknya menyebabkan keruntuhan institusi keluarga (Nur Asyima, 2004). Selain itu, ia juga turut menjadi faktor penyumbang kepada masalah sosial dalam kalangan kanak-kanak yang masih mudah lagi. Bukan itu sahaja, ada sesetengah kanak-kanak yang bermasalah akan meluahkan emosinya dengan cara perbuatan yang boleh mencederakan fizikal dan mental orang lain seperti pergaduhan dan merosakkan harta benda awam di kawasan sekolah. Jelaslah bahawa tiada asuhan dan masalah perpisahan antara ibu bapa dengan kanak-kanaknya menjadi punca kepada masalah delinkuen murid di sekolah rendah.

Selain daripada itu, masalah perceraian juga turut menjadi faktor penyumbang kepada masalah delinkuen murid sekolah rendah. Hal ini demikian kerana, anak-anak kurang mendapat perhatian dan asuhan daripada ibu bapa turut membawa kepada mereka akan menjerumuskan diri dalam aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral bagi mendapat perhatian dan keseronokan (Zakiyah, 2001). Perkara ini disebabkan oleh kebanyakan pasangan suami isteri tidak cuba saling memahami satu sama lain dan tidak mahu menyelesaikan masalah rumah tangga. Kebanyakan pasangan suami isteri menganggap perceraian adalah jalan mudah untuk mendapat penyelesaian masalah rumah tangga (Othman, 2009). Dasawarsa ini, kebanyakan golongan wanita ingin memperolehi pendapatan sendiri dan tidak mahu lagi bergantung kepada kaum lelaki. Mengikut fahaman feminisma bagi kaum wanita, mereka berpendapat bahawa mereka seharusnya mempunyai kerjaya yang setaraf dengan kaum lelaki. Ketinggian ego yang melampau golongan wanita ini membawa kepada mereka hanya pentingkan diri mereka sendiri sahaja. Dari sudut lain pula, golongan kaum lelaki juga yang mengabaikan tanggungjawab mereka sebagai seorang ketua keluarga. Sehubungan

dengan perkara ini, mereka akan mencurigai atau mengesyaki kesetiaan isterinya. Mahupun, ada golongan lelaki juga menjalinkan hubungan sulit dengan orang lain. Ketiadaan ikatan kemesraan antara pasangan suami isteri menjadi punca utama kepada masalah perceraian. Tegasnya bahawa masalah perceraian adalah salah faktor kekeluargaan yang mendorong masalah delinkuen murid sekolah rendah.

Menurut Adib (2019), mengkaji tentang masalah delinkuen berlaku disebabkan oleh beberapa punca seperti usia, gender serta kawasan persekolahan. Dapatan kajian menunjukkan faktor umur mendapati pengaruh yang tinggi terhadap masalah delinkuen. Dalam kajiannya, beliau mengatakan tingkah laku delinkuen harus diberi perhatian khusus sebab jika kita abaikan sekarang mungkin murid boleh melakukan tingkah laku devian di peringkat sekolah menengah.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian ini mempunyai tiga objektif seperti berikut:

1.3.1 Untuk mengenal pasti dimensi hubungan kekeluargaan yang paling dominan dalam kalangan murid sekolah rendah.

1.3.2 Untuk mengenal pasti jenis masalah delinkuen yang paling kerap berlaku dalam kalangan murid sekolah rendah.

1.3.3 Untuk mengenalpasti perkaitan antara hubungan kekeluargaan dengan masalah delinkuen murid tahap 2 sekolah rendah.

### **1.4 Soalan Kajian**

Kajian ini menjawab ketiga-tiga persoalan seperti berikut:

1.4.1 Apakah dimensi hubungan kekeluargaan yang paling dominan dalam kalangan murid sekolah rendah?

1.4.2 Apakah jenis masalah delinkuen yang paling kerap berlaku dalam kalangan murid sekolah rendah?


1.4.3 Adakah perkaitan antara hubungan kekeluargaan dengan masalah delinkuen murid tahap dua sekolah rendah?

## 1.5 Hipotesis Kajian

**H1:** Terdapat hubungan yang signifikan antara hubungan kekeluargaan dengan masalah delinkuen murid tahap dua sekolah rendah.

## 1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Bab ini menerangkan tentang kerangka konseptual kajian ini dijalankan. Pengkaji telah mengaji tentang perkaitan antara hubungan kekeluargaan antara masalah delinkuen murid sekolah rendah.



**Rajah 1.1:** Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka kajian ini diwujudkan berasaskan kepada pembacaan dan rujukan daripada kajian-kajian dibuat oleh pengkaji lain. Menurut Rosinah (2014), pembentukan kerangka konsep ini penting untuk memberi gambaran yang luas kepada pengkaji dalam menjalankan kajiannya dengan yakin. Dengan adanya kerangka ini, pengkaji mudah mengkaji apa yang dikaji berpandukan apa yang ditentukan dan dirancang mengikut objektif dan persoalan kajian. Kerangka konsep ini menjadi sebagai garis panduan dalam mencapai objektif kajian dengan cara yang sistematik. Elemen dan konsep yang ditekan dalam kajian lepas telah diambil sebagai konstruk bagi instrumen pengumpulan data daripada responden.

Berpandukan kerangka konsep yang dibentuk, hubungan kekeluargaan dirujuk sebagai pemboleh ubah tidak bersandar. Manakala, masalah perlakuan delinkuen murid dilihat sebagai pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini. Menurut Noorlela et.al (2018), hubungan ibu bapa menunjukkan impak terhadap tinglah laku delinkuen murid. Kanak-kanak sering mengambil ibu bapa sebagai contoh dan segala tingkah laku mereka diperhatikan. Apabila mereka menunjukkan perlakuan yang baik, anak-anak pun akan bertindak sebagaimana ibu bapanya bertindak. Sekiranya tidak, ia berlaku sebaliknya. Penerapan nilai kekeluargaan dan gaya asuhan yang bersesuaian harus diberi fokus yang khusus untuk perkembangan anak-anak yang positif.

Kerangka konsep ini juga menerangkan hubungan kekeluargaan dirujuk berdasarkan kepada sejauh mana pembolehubah kekeluargaan memberi impak kepada penglibatan anak dalam masalah delinkuen di sekolah. Bagi mendalami konteks hubungan kekeluargaan, pengkaji telah membuat beberapa pecahan kepada konstruk; sokongan ibu bapa, keprihatinan ibu bapa dan afeksi ibu bapa. Soal- selidik dibina berdasarkan konstruk yang dinyatakan seperti berikut. Analisis yang akan dapat daripada soal selidik ini akan memberi jawapan kepada persoalan yang pertama.

Seterusnya, kerangka kajian juga menerangkan masalah delinkuen murid yang sering berlaku di sekolah. Menurut Buerah (2015), menyatakan jenis-jenis masalah delinkuen yang sering berlaku di sekolah ialah salah laku berunsur jenayah, berunsur kelucahan, kekemasan diri, tidak pentingkan masa, kurang sopan, laku musnah, ponteng sekolah, kenakalan, buli dan menghisap rokok. Peningkatan masalah



delinkuen selalu berlaku walaupun pihak sekolah menjalankan beberapa intervensi dan program. Dengan ini, pengkaji ingin menganalisis faktor berlaku masalah delinkuen dalam kalangan murid sekolah. Pengkaji telah membina soal selidik berdasarkan salah laku dinyatakan seperti berikut. Konteks masalah delinkuen mempunyai 5 pecahan iaitu tingkah laku berunsur jenayah, tingkah laku kurang disiplin, tingkah laku ponteng sekolah, tingkah laku kenakalan serta tinglah laku mengejek. Dengan adanya 5 konstruk ini, pengkaji mengenal pasti kekerapan dan tahap berlakunya masalah delinkuen dalam kalangan murid tahap dua sekolah rendah di Bandar Masai.

Kerangka kajian juga dibentuk untuk mengenal pasti hubungan kekeluargaan dengan masalah delinkuen murid. Kajian ini dapat menjelaskan peranan kekeluargaan dalam kejadian masalah delinkuen murid. Hubungan ibu dan bapa yang renggang menjadikan anak-anak kurang mendapat perhatian di rumah. Menurut Azzahyruddin (2004), menerangkan institusi kekeluargaan merupakan guru pertama yang memberi didikan kepada anak-anak. Kemesraan dan perapatan ibu bapa terhadap anak-anak akan mewujudkan suatu perasaan selamat dan membina keyakinan yang positif dalam diri setiap anak-anak. Tetapi, isu penceraian, pergaduhan, perpisahan dan perkahwinan semula ibu bapa memberi impak dan kesan kepada anak-anak. Sekiranya, ibu bapa tidak sedar dengan kesan yang berlaku, maka ia memberi masalah kepada anak-anak samada di rumah atau pun di sekolah. Dengan ini, pengkaji ingin mengenalpasti sejauhmana hubungan kekeluargaan memberi impak kepada murid sehingga mereka terlibat dalam masalah delinkuen.

## **1.7 Definisi Istilah dan Operasional**

### **1.7.1 Hubungan**

Hubungan membawa maksud kesinambungan atau pertalian komunikasi antara sesama manusia dengan melibatkan interaksi sosial. Hubungan ini dibentuk dengan interaksi yang mesra serta menjadi satu proses yang berterusan dalam kehidupan seseorang manusia. Hubungan ini berbeza mengikut tempat, orang, nilai, bentuk dan sebagainya. Contohnya, hubungan kawan dengan hubungan adik-beradik berbeza dari segi komunikasi, layanan, perasaan dan sebagainya. Hubungan boleh dikategorikan kepada dua, iaitu positif dan negatif. Hubungan positif wujud sekiranya kedua-dua pihak saling menghormati antara satu sama lain dan menunjukkan kasih sayang yang mesra. Dengan adanya layanan yang mesra, maka kedua-dua pihak mendapat manfaat yang sama dengan menjaga kebajikan diri dan orang lain. Manakala, hubungan negatif diwujudkan apabila salah seorangnya bersikap mementingkan diri dan mengabaikan hak orang lain tanpa memikirkan situasi mereka. Dengan ini, terjadilah perselisihan faham dan pergaduhan besar akibat wujudnya hubungan negatif. Dengan kata lain, hubungan juga boleh ditakrifkan dengan istilah silaturahmi yang diijalinkan antara manusia sesama manusia melalui proses komunikasi. Dalam kajian ini, hubungan merujuk kepada ikatan ibu bapa antara anak-anak. Pengkaji melihat kemesraan serta kerapatan ibu bapa yang mempengaruhi perkembangan anak dalam aspek tingkah laku.

### **1.7.2 Kekeluargaan**

Keluarga bermakna sekumpulan individu yang hidup secara aman dan sejahtera dalam satu rumah atau tempat yang sama. Biasanya mereka mempunyai hubungan darah, ikatan perkahwinan atau mempunyai persaudaraan yang lain yang menyatukan mereka dengan satu identiti. Keluarga juga boleh dijelaskan sebagai unit kelompok terkecil dalam sesuatu masyarakat. Setiap anggota keluarga mempunyai peranan atau tugas yang tersendiri untuk meneruskan kehidupan seharian mereka. Antara anggota keluarga yang dianggotai dalam sebuah keluarga ialah ibu, bapa, datuk, nenek, kakak, abang, adik dan sebagainya. Salah seorang individu akan mengetuai dalam keluarga dan anggota yang lain akan turut mengikut perintah

pemimpin tersebut. Keluarga juga memiliki unsur kebudayaan yang tersendiri dan unik yang diwarisi oleh turun temurun.

Dengan adanya kebudayaan tersebut, mereka dapat menunjukkan identiti mereka kepada masyarakat sekeliling mereka. Setiap keluarga mempunyai beberapa kefungsiian dan kewajipan untuk dijalankan. Menurut Zarinah (2001), kewajipan boleh dilihat aspek biologi, psikologi, sosiologi, ekonomi, pendidikan dan sebagainya. Dari segi biologi, keluarga berfungsi sebagai meningkatkan zuriat dan membesarkan anak-anak dengan memberi makanan serta menjaga kesihatan dan kebajikan mereka apabila diperlukan. Seterusnya, kewajipan dari segi psikologi, keluarga adalah tempat untuk memberi kasih sayang dan kemesraan kepada anggota keluarga satu sama lain. Dari aspek sosiologi, keluarga berfungsi untuk menentukan dan mengamalkan norma-norma masyarakat, ciri-ciri kebudayaan yang diterima oleh masyarakat secara keseluruhan. Dari segi ekonomi, keluarga akan mencari dan mendapatkan sumber untuk menyara hidup serta menabung untuk kegunaan masa hadapan. Dalam aspek pendidikan, setiap keluarga diwajibkan untuk memberi didikan dan bimbingan secara formal dan tidak formal.

Dalam kajian ini, pengkaji melihat hubungan kekeluargaan berdasarkan gaya keibubapaan di rumah. Terdapat 3 jenis gaya keibubapaan yang dibincangkan dalam kajian iaitu sokongan, keprihatinan dan afeksi. Ciri-ciri dalam setiap gaya keibubapaan berbeza antara satu sama lain. Dalam kajian ini, pengkaji melihat sejauhmanakah hubungan kekeluargaan dapat mempengaruhi masalah delinkuen.

### **1.7.3 Tingkah Laku**

Menurut Azizi (2010), mengatakan tingkah laku dipelajari melalui naluri. Individu mengamalkan tingkah laku disebabkan oleh faktor intrinstik dan kematangan fisiologi. Mengikut Raymond (2001), menyatakan tingkah laku adalah sesuatu yang dibuatkan oleh seorang individu untuk memberi maklum balas kepada orang lain. Tingkah laku boleh ditakrifkan sebagai kelakuan, gerakan, pertunjukkan, penampilan, perbuatan yang boleh dilihat daripada pergerakan fizikal seseorang individu. Bukan

semua manusia mempunyai tingkah laku yang sama dan ditunjukkan pada masa yang sama. Keunikan dan perbezaan individu menyebabkan setiap manusia bertindak balas berbeza pada suatu situasi yang sama (Haliza, 2013). Tingkah laku juga berkait rapat dengan perkembangan kognitif dan emosi seseorang manusia. Pengkaji ingin melihat tingkah laku yang ditunjukkan oleh murid sekolah rendah dalam kajian ini. Masalah delinkuen merupakan kepada tingkah laku yang melanggar peraturan di sekolah. Masalah tingkah laku ini tidaklah begitu krisis tetapi sering berlaku di sekolah. Masalah delinkuen yang dikaji dalam kajian ini adalah masalah tingkah laku berunsur jenayah, tingkah laku kurang sopan, tingkah laku ponteng sekolah, tingkah laku kenakalan serta tinglah laku mengejek.

#### **1.7.4 Delinkuen**

Menurut kamus Dewan Edisi Empat, menyatakan delinkuen bermakna tindakan atau sikap melanggar undang-undang. Pelanggaran tersebut tidaklah begitu serius namun tindakannya tidak dapat diterima oleh masyarakat setempat (Kennedy, 2013). Pada mulanya perkataan delinkuen bermaksud terabai dalam bahasa latin. Mengikut Belle (2018), menyatakan maksud perkataan tersebut berkembang dan kini memberi bermakna tidak mematuhi norma dan peraturan masyarakat, kegiatan jenayah serta antisosial. Delinkuen melibatkan murid, belia atau remaja yang masih berada di alam persekolahan. Mereka turut melanggar peraturan yang ditetapkan oleh institusi-institusi berkenaan. Contohnya, masalah ponteng sekolah yang selalu berlaku di mana-mana sekolah. Individu yang bersekolah terbabit dalam kesalahan tersebut akan dikategorikan sebagai masalah delinkuen. Masalah delinkuen ini pada mulanya menjadi secara kecil-kecilan, kemudian ia menyebabkan isu-isu yang serius dan kritikal. Terdapat 5 jenis masalah delinkuen dibincangkan dalam kajian ini. Antaranya ialah masalah delinkuen yang berunsur jenayah, kurang sopan, ponteng sekolah, kenakalan dan mengejek.

### **1.7.5 Murid**

Istilah murid selalu digunakan kepada kanak-kanak yang bersekolah rendah. Kanak-kanak ini mempunyai usia antara 6 hingga 12 tahun. Mereka mendapat pendidikan asas pada peringkat ini. Pada peringkat ini, murid mula bersosial dengan persekitaran mereka, iaitu kawan, guru, penjaga sekolah dan sebagainya. Mereka juga mula sedar bahwa peraturan dan undang-undang dihasilkan oleh manusia itu sendiri dan boleh mengubah mengikut keadaan. Mereka juga mula mempertimbangkan sesuatu tingkah laku berasaskan niat dan akibat. Misalnya, murid boleh menilai dan memikirkan bahawa sesuatu perlakuan boleh memberi kebaikan dan keburukan kepada diri sendiri dan orang lain. Dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan murid sekolah rendah daripada 3 buah sekolah di Bandar Masai.

### **1.8 Batasan Kajian**

Setiap kajian mempunyai batasan dan limitasi mengikut objektif kajian tersebut. Begitu juga, dalam kajian ini, pengkaji mengenalpasti beberapa batasan kajian seperti diterangkan lanjut. Kebanyakan kajian lepas, ramai pengkaji membuat penyelidikan terhadap remaja, belia dan pelajar sekolah menengah yang melakukan masalah delinkuen. Mereka kurang memberi fokus kepada murid sekolah rendah. Pada zaman teknologi ini, murid sekolah rendah lebih mahir dan bijak dalam semua perkara. Walaupun usia lapan tahun, mereka pandai menyembunyikan rokok di dalam tandas, ponteng sekolah tanpa pengetahuan guru dan lain-lain. Isu-isu seperti ini selalunya kita dengar dan lihat di sekolah menengah sahaja. Tetapi, pada masa kini, murid sekolah rendah pun turut terlibat dalam kes-kes sebegini tanpa memikirkan sebab dan akibat pada masa hadapan. Oleh itu, kajian ini hanya memfokuskan murid-murid sekolah rendah sahaja.

Skop dan tumpuan kajian hanya pada faktor hubungan kekeluargaan yang menyebabkan masalah delinkuen di peringkat sekolah. Namun, mengikut kajian Noorasyiah (2014), menjelaskan faktor diri sendiri, ibu bapa, rakan sebaya, guru dan laman sosial menjadi faktor penentu kepada masalah disiplin dalam kalangan pelajar

sekolah menengah. Walaubagaimana pun, institusi kekeluargaan memainkan peranan paling utama dalam perkembangan anak. Merujuk kajian Zakiyah (2011), membuktikan ikatan dan kawalan ibu bapa menjadi faktor utama berlakunya tingkah laku delinkuen. Pengkaji mengkaji perkaitan keluarga yang kurang mesra dan kasih sayang menjadikan anak lebih cenderung melakukan tingkah laku delinkuen.

Batasan dan limitasi yang seterusnya adalah pengkaji hanya menggunakan instrumen soal selidik untuk mengumpul maklumat daripada responden kajian. Soal selidik kajian dibentuk mengikut konstruk yang perlu diukur daripada responden kajian. Konstruk kajian hanya berkaitan tentang masalah delinkuen dan hubungan kekeluargaan sahaja.

## **1.9 Kepentingan Kajian**

Murid merupakan bakal generasi yang akan membangunkan negara kita pada peringkat yang seterusnya. Mereka berdaya untuk mencipta pelbagai alat pemodenan dan teknologi yang lebih canggih yang kita gunakan pada hari ini. Untuk menjadi seorang individu yang cemerlang, mereka harus memiliki sikap dan nilai yang positif terhadap diri sendiri dan orang lain. Sikap dan nilai bukan sesuatu yang boleh membeli apabila kita perlu. Malah ia adalah dipelajari dan dibimbingi oleh seseorang signifikan dalam kehidupan kita. Antara orang yang penting untuk memberi didikan tersebut ialah ibu bapa. Ibu bapa haruslah memberi penekanan tersebut setelah seorang bayi dilahirkan sehingga menjadi tua. Jadi, untuk memberi pendedahan kepada semua warga ibu bapa, kajian ini dijalankan dengan niat untuk membantu. Pada masa sekarang dan hadapan, kajian boleh dijadikan panduan kepada mereka yang memerlukan.

Kajian ini juga dijalankan untuk membantu kemenjadian murid yang positif semasa mereka berada di sekolah atau luar sekolah. Dalam proses kemenjadian murid, seorang individu didorong untuk berkembang secara holistik. Dengan ini, murid dapat meningkatkan kemampuan diri dalam teori, kemahiran, nilai, minat serta personaliti untuk mendapatkan kesempurnaan sendiri. Kemenjadian murid bukan hanya

melibatkan pencapaian murid dalam bidang akademik sahaja. Malah, ia juga merangkumi aspek kokurikulum dan pembentukan sahsiah yang unggul. Kemenjadian murid membantu individu berjaya dalam kehidupan diri serta meningkatkan pencapaian sesebuah sekolah. Kejayaan ini juga mendorong kewujudan sistem pendidikan berkualiti tinggi yang mampu bersaing dengan peringkat antarabangsa. Dengan ini, pengkaji berharap bahawa kajian ini dapat menjadi sumber rujukan untuk membantu murid mendapat minda dan emosi yang sihat dan positif.

Seterusnya, kajian ini juga bertujuan untuk membantu warga pengamal dalam merealisasikan FPK. FPK ini juga membentuk untuk tujuan menjadikan rakyat yang bertanggungjawab yang mampu menjalankan kewajipan dengan taat dan setia. Kewajipan dan tanggungjawab individu bukan sahaja kepada diri sendiri sahaja, malah ia melibatkan ibu bapa rakan, jiran, saudara, sekolah, masyarakat, negara dan sebagainya. Untuk melahirkan individu yang seimbang, semua pihak mestilah berganding bahu dan menolong antara satu sama lain bagi mencapai kejayaan. Menurut Nor Aishah (2017), masalah delinkuen mungkin dianggap sebagai isu kecil. Tetapi isu tersebut boleh menjadi punca kepada isu lebih serius pada masa hadapan. Bak pepatah sediakan payung sebelum hujan, semua ibu bapa mestilah memahami peranan mereka dalam melahirkan generasi yang cemerlang dan minda kelas pertama. Dengan ini, diharapkan kajian ini dapat digunakan untuk mengambil intervensi yang sesuai dengan masalah delinkuen pada peringkat sekolah bagi menjamin kesejahteraan murid.

### **1.10 Kesimpulan**

Dalam bab ini, pengkaji telah memberi pengenalan yang umum kepada tajuk kajian yang dibuat. Bab ini membincangkan tentang latar belakang, pernyataan masalah, objektif, soalan, hipotesis kajian yang secara terperinci. Selain itu, pengkaji menerangkan batasan, kepentingan dan definisi operasional kajian berdasarkan rujukan daripada kajian-kajian lepas.

## RUJUKAN

- Adib Emir Shafiq Bin Sharifudin, Atikah Binti Osman dan Zuria Mahmud. (2019). Tingkah laku delinkuen dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN 2019 || eISBN 978-967-2122-77-7)
- Aminuddin Bin Hehsan & Siti Noor Binti Muhamad. (2009). *Tahap Disiplin Pelajar Sekolah Masa Kini : Satu Kajian Di Maahad Ahmadi Tanah Merah*
- Azizi Yahaya & Faizah Idris. (2004). *Tingkah Laku Agresif*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya, Mohd Najib Ab. Ghaffar & Badruzaman Baharom. (2010). *Persekitaran Keluarga Dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja*.
- Azizi Yahaya, Noordin Yahaya & Juriah JuriaBh @ Daing Junaidah Bte Hj. Bachok. (2010). *Perkaitan Antara Hubungan Kekeluargaan, Pengaruh Rakan Sebaya dan Kecerdasan Emosi Dengan Tingkah Laku Delinkuen Pelajar Sekolah Bestari Di Daerah Pontian*.
- Azlina Mohd Kosnin & Suzila Mustapha. (2010). *Kaitan Antara Faktor-Faktor Kekeluargaan Dengan Tingkah Laku Delikuensi Pelajar*.
- Azzahyiruddin Bin Ahyannuddin. (2006). *Penglibatan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Dalam Aktiviti Salah Laku: Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan (Maahad), Muar, Johor*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer Berserta Pendidikan Fizik.
- Belle Louis Jinot. (2018). The Causes of a Lack of Discipline among Secondary School Learners in Mauritius. *Mediterranean Journal of Social Sciences ISSN 2039-2117 Vol 9 No 1. January (2018) 35-46*.
- Buerah Tunggak, Shanah Ngadi Dan Hamimah Abu Naim. (2015). Delinkuen Pelajar Dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja/ Pelajar Muslim Bersepadu. *Jurnal Hadhari Volume 7 (2) (2015) 11-30*.
- Fauziah Hanim Jalal, Zanariah Noor Dan Wahibah Twahir @ Tahir. (2009). Model Penghayatan Keibubapaan Islam: Satu Kajian Ke Atas Keluarga Muslim.
- Frederick.J Gravetter & Larry B.Wallnau. (2018). *Statistics for the Behavioral Sciences 10e*. New Tech Park. Cengage Learning Asia Pte. Ltd.



- Garman, J.J. & Walker, R. (2010). The zero-tolerance discipline plan due process: elements of a model resolving conflicts between discipline and fairness. *Falkner Law Review*, 1 (3) : 289-320.
- Haliza Hamzah & Joy N. Samuel. (2009). *Perkembangan Kanak-Kanak*. Shah Alam: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Hamedoglu, Mehmet Ali, Çelik, Muhammed, Kaya Mehmet dan Bilge Hatice. (2012). *Encountered Disciplinary Problems in Elementary Schools Of a Low Socioeconomically Status District*. Hamedo lu et al./Procedia -Social and Behavioral Sciences 55 ( 2012 ) 502 – 511
- Harian Metro. (2015). Dicapai pada 13 September 2019 daripada laman <https://www.hmetro.com.my/node/36116>.
- Haslee Sharil Lim Abdullah. (2007). *The Impact Of Divorce On Children: Implications For Counseling*. Masalah Pendidikan 2007, Jilid 30(2) 161-168.
- Haslindah Nursan, Diyana Zulaika Abdul Ghani, Mohad Anizu Md Nor, Halijah Ibrahim, Zainal Abidin Zainuddin & Syahrul Ridhwan Morazuki. (2017). Persepsi Pelajar Dan Guru Sekolah Menengah Terhadap Isu Pemakaian Pakaian Sukan Semasa Kelas Pendidikan Jasmani. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Malaysia.
- Hassan, N. C. (2018). Adolescents' self concept and delinquent behaviour of single mother families. *Journal of Management, Business & Social Sciences Impact*, 1, 44-51.
- Jee Pei Ching, & Shahlan Surat. (2016). *Gaya Keibubapaan Dengan Tingkah Laku Devian Dalam Kalangan Remaja*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Jude Mary Cénat, Martine Hébert, Martin Blais, Francine Lavoie, dan Mireille Guerrier. (2015). *Delinquent behaviors among students exposed to family violence in Quebec schools*. *Adolesc Saude*. Jul/Sep 2015; 12(3): 43–52.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). 2013. *Hala Tuju Sektor Pembangunan Kemanusiaan*. Unit Hal Ehwal Murid, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kennedy Bin Alip. (2013). *Faktor-faktor penyebab berlakunya tingkah laku delinkuen dalam kalangan pelajar sekolah menengah di daerah Keningau*. Desertasi Ijazah Sarjana Pendidikan Pengurusan Pendidikan: Universiti Malaysia Sabah.
- Lee Keok Cheong, Eh Ah Meng, Suppiah Nachiappan & Taquddin Abd Mukti. (2012). *Bimbingan Dan Kaunseling Kanak-Kanak*. Kuala Lumpur: Penerbit Oxford Fajar Sdn.Bhd.

- Melissa Ribka Santi dan Ferry Koagouw. (2015). Pola komunikasi anak-anak delinkuen pada keluarga broken home di kelurahan karombasan selatan kecamatan wanea kota manado. *e-journal "Acta Diurna" Volume IV. No.4. Tahun 2015.*
- Mohd. Nuri Mustafa. (2016). Fenomena delinkuen dalam kalangan remaja yang berisiko di sebuah sekolah menengah kebangsaan agama di luar bandar Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan Vol. 25, Iss. 2 ISSN 1675-1930. Universiti Teknologi Malaysia.*
- Muhammed Sharif Mustaffa dan Suria Abd Jamil (2012). Mengenal Pasti Punca Punca Masalah Ponteng Di Kalangan Pelajar Sekolah Rendah: Satu Kajian Kes. *Journal of Educational Psychology & Counseling. Vol 6 June 2012, pp. 50-73.*
- Muhd Mansur Abdullah & S.Nordinar Mohd. Tamin. (2003). *Proses Kaunseling.* Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Nabilah Huda Zaim & Norsaleha Mohd Salleh. (2019). Kesejahteraan Keluarga Di Malaysia : Suatu Sorotan Awal (Family Well-being in Malaysia : An Initial Literature Review). Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS.
- Nasarudin Desa, Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Sabri Mohamad. (2018). Menangani Keruntuhan Akhlak Masa Kini Menurut Islam. *Jurnal al-Turath; Vol. 3, No. 1; 2018 e-ISSN 0128-0899.*
- Nasirah Ismail, Norhasliza Abdullah & Siti Zubaidah Saharudin. (2016). Hubungan motivasi, gaya pembelajaran dengan pencapaian matematik kejuruteraan: Tinjauan dalam kalangan Pelajar semester akhir diploma kejuruteraan di politeknik sultan azlan shah.
- Nik Hairi Omar, Azmi Abdul Manaf, dan Ahmad Shazili Ayob (2012). Pengujian Model Gaya Keibubapaan Baumrind Ke Atas Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah. *Journal of Sosial Sciences and Humanities. Vol. 7, Num. 1, pp. 105-120, April Special.*
- Nooraisah Katmun@Katmon, Siti Rafizah Zakaria & Mohd Abdullah Jusoh. (2014). Faktor penentu masalah disiplin dalam kalangan pelajar sekolah menengah di wilayah persekutuan. *Management Research Journal Vol.3 (2014), 140–154.*
- Noorlela Ahmad, Atikah Amidi dan Hariyaty Ab Wahid. (2018). Pengaruh ibubapa terhadap tingkah laku delinkuen pelajar sekolah menengah. *Journal of Humanities, Language, Culture and Business (HLCB) Vol. 2: No. 8 (May 2018) page 85-94.*

- Nor Aishah Binti Abdul Aziz. (2017). *Masalah Dan Pendekatan Menangani Disiplin Pelatih Di Pusat Giat Mara, Negeri Johor*. Tesis penganugerahan ijazah Doktor Falsafah (Pendidikan Teknik dan Vokasional).
- Norhayati Zulkefli & Zaidah Mustapha. (2016). Remaja daripada ibu bapa yang bercerai di Malaysia: Suatu penelitian ekspresi emosi. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 12 issue 9, 150 - 160.
- Norruzeyati Che Mohd Nasir & Norzalinda Mohd Ali Hanafiah. (2015). Faktor Internal Individu dan Delinkuensi: Kajian ke atas Remaja Perempuan di Asrama Akhlak Perempuan, Jitra. *Jurnal Pembangunan Sosial Jilid 18 (Jun) 2015: 185–202*.
- Norruzeyati Che Mohd Nasir. (2016). *Aspek-Aspek Keluarga dan Penglibatan Remaja Perempuan dalam Tingkah Laku Delinkuensi*. Geografi Vol. (4), No. (2), (2016), 54-64 © Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris 2016 ISSN 2289-4470 /eISSN 2462-2400
- Nur Asyima Binti Che Alias. (2004). *Persepsi Mahasiswa UTM terhadap faktor berlakunya khalwat. Kajian kes di Kolej Tun Hussein Onn*. Tesis Sarjana Muda Psikologi. Universiti Teknologi Malaysia.
- Othman Napiah & Nurulfitri Asmawi. (2009). *Persepsi Pelajar Tahun Tiga Dan Empat SPI, UTM Terhadap Institusi Kekeluargaan Islam*.
- Patonah Zakaria, Nobaya Ahmad & Amna Md Noor. (2016). *Perkaitan antara Hubungan Kekeluargaan dan Tingkah Laku Delikuens Remaja di Kuala Terengganu*. Desertasi Sarjana Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.
- Rahimah Jamaluddin, Ab. Rahim Bakar dan Siti Sa'adah Sulaiman. (2017). Penerapan Nilai Kekeluargaan: Adakah Ianya Penting?. *E-Jurnal Penerbit UTM Press*.
- Rohayati Binti Derani. (2004). *Persepsi Ibu Bapa Terhadap Faktor-Faktor Keruntuhan Akhlak Remaja Islam Masa Kini: Satu Tinjauan Di Taman Aman Anak Bukit, Alor Setar Kedah*. Tesis Sarjana Muda Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia.
- Rosinah Edinin. (2014). *Penyelidikan Tindakan: Kaedah & Penulisan*. Bandar Baru Bangi: Pelangi Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Sapora Sipon & Ruhaya Hussin. (2009). *Teori Kaunseling Dan Psikoterapi*. Bandar Baru Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.

- Shoba Karuppaya. (2007). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kemerostan Disiplin Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Johor*. Tesis Sarjana Psikologi. Universiti Teknologi Malaysia.
- Zakiah Binti Jamaluddin. (2001). Masalah sosial remaja: Tinjauan daripada penpektif sosiologi. *Dimensi – dimensi pembangunan sosial*. (pp. 117-124). Sintok: *Kolokium Akademik SPS 2001*.
- Zakiah Jamaluddin & Ismail Kiprawi (2004). *Ikatan dan kawalan ibu bapa terhadap tingkah laku delinkuens*. Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia. Universiti Utara Malaysia.
- Zakiah Jamaluddin & Ismail Kiprawi. (2004). *Ikatan dan kawalan ibu bapa terhadap tingkah laku delinkuens*.
- Zarinah Arshat.(2001). Kualiti tingkah laku keibubapaan dan penyesuaian tingkah laku anak dalam keluarga berisiko di luar bandar. *Tesis Sarjana, Serdang: Universiti Putra Malaysia*.